

# SSMS juara Liga IPT pusingan pertama

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY

**KOTA KINABALU:** Pasukan Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS) dinobatkan sebagai Juara dalam Kejohanan Hoki Liga Institut Pengajian Tinggi (IPT) pusingan pertama di SSMS, baru-baru ini.

Pada perlawanan pertama secara Liga itu telah menyaksikan pertemuan di antara pasukan hoki UMS Adler dan pasukan Hoki Sekolah Tun Fuad yang berakhir dengan keputusan 0-0.

Sebelah petangnya pula, perlawanan diteruskan dengan pertemuan di antara Sekolah Tun Fuad dan SSMS bawah 14 tahun di mana pada perlawanan itu SSMS telah meraih kemenangan pertama dengan keputusan 1-0 dan sekaligus mendahului kedudukan Liga.

Perlawanan penentuan yang menyaksikan pertemuan di antara pasukan UMS Adler dan pasukan SSMS dilihat sengit di mana UMS menjarangkan gol-gol pendahuluian sebelum berjaya disamakan oleh SSMS.

Keputusan itu berakhir seri 2-2, dan memberikan kelebihan kepada SSMS yang telah mengutip tiga mata pada perlawanan pertama mereka menentang Sekolah Tun Fuad sementara UMS Adler juga berjaya mengumpul satu lagi mata.

Ini bermakna, Naib Johan bagi pusingan yang pertama itu dimenangi UMS Adler, manakala Sekolah Tun Fuad muncul pemenang tempat ketiga dengan hanya satu mata.

Menurut jurulatih SSMS bawah 14 tahun, Md Aminuddin Ibrahim, yang merupakan penyelaras kejohanan yang julung-julung kalinya diadakan itu, liga tersebut akan berlangsung sebanyak tiga pusingan.

"Pusingan seterusnya akan diadakan pada bulan Ogos ini. Justeru, kita akan menjemput lebih ramai pasukan bagi sama-sama meningkatkan pembangunan sukan hoki di Sabah melalui kejohanan itu.

Menurut beliau, tujuan kejohanan seperti itu diadakan adalah bagi memberi peluang kepada para pemain hoki untuk menonjolkan dan mengembangkan bakat mereka.

Sementara itu, jurulatih Sekolah Tun Fuad, Encik Azridza, turut berbesar hati kerana pasukannya dijemput bagi menjayakan kejohanan tersebut.

"Kejohanan seumpama ini merupakan titik permulaan bagi pasukan kami untuk terus maju dalam sukan hoki dan tidak hanya bergantung kepada kejohanan-kejohanan di peringkat sekolah sahaja.

Manakala, jurulatih pasukan UMS Adler, Jacky Jaulis turut menyatakan rasa puas hatinya terhadap peningkatan yang ditunjukkan oleh para pemain UMS.

"Kejohanan ini merupakan satu landasan yang baik bagi mempersiapkan pasukan UMS untuk Kejohanan Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) pada 15-21 Mei ini di Universiti Teknikal Melaka (UTeM)," katanya.



JUARA .... Pasukan SSMS yang menjuarai pusingan pertama.



PASUKAN UMS dan SSMS



NAIB JUARA ....Pasukan UMS Adler.



TEMPA KETIGA .... Pasukan Sekolah Tun Fuad



BERUSAHA .... Pemain pasukan Tun Fuad cuba melepasi pemain UMS.